

DARI WAN AHMAD HULAIMI

1983

LONDON, 11 MAC (BERNAMA) -- PERDAMA MENTERI DATUK SER DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KINI TERDAPAT PERUBAHAN YANG KETARA PADA SIKAP DAN DASAR BRITISH TERHADAP MALAYSIA DAN DENGAN ITU DASAR MALAYSIA TERHADAP MEREKA WAJAR DIKAJI SEMULA.

SEKEMBALINYA KE MALAYSIA NANTI, BELIAU AKAN BERUNDING DENGAN PARA RAKAN SEKABINETNYA SAMA ADA MASANYA SUDAH TIBA UNTUK MENGGAJI SEMULA DASAR-DASAR MALAYSIA TERHADAP BRITAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERADA DI SINI KERANA LAWATAN PERIBADI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI SINI SEMALAM +NAMPAKNYA BRITISH INGIN MEMBAHARUI ATAU MEMPERBAIKI PERHUBUNGAN MEREKA DENGAN KITA.+

KATANYA: +DALAM KEADAAN SEKARANG, DAN SETELAH BERTEMU DENGAN PUAN MARGARET THATCHER...KAMI HARUS MENGADAKAN PERATURAN DAN TINDAKAN DUA HALA MEMANDANGKAN PERUBAHAN SIKAP BRITISH YANGKETARA SEKARANG.+

INI HANYA BOLEH DIPUTUSKAN SELEPAS PERBINCANGAN DENGAN RAKAN-RAKAN SEKABINETNYA, TAMBAHNYA. -- LAGI 1835/II

MAHATHIR 2 LONDON

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BEBERAPA ORANG WARTAWAN MALAYSIA BELIAU TELAH SALAH DIBERI GELARAN SEBAGAI PERDANA MENTERI YANG ANTI-BRITISH.

WALAUPUN BELIAU TIDAK MENERIMA PENDIDIKAN DI BRITAIN, NAMUN SEMASA PENDUDUKAN JEPUN DI MALAYA, BELIAU AMAT PRO-BRITISH DAN ANTI-JEPUN, KATANYA.

+SAYA BUKAN ANTI-BRITISH SEKARANG SEBENARNYA. SAYA CUMA TIDAK BERSETUJU DENGAN SETENGAH-SETENGAH DASAR DAN TINDAKAN MEREKA, DAN SAYA FIKIR BRITISH SENDIRI FAHAM PERKARA INI.+

BELIAU BERKATA MALAYSIA TELAH LAMA BERSABAH SUNGGUHPUN PERKARA-PERKARA YANG MENYAKITKAN HATI TERUS BERLAKU.

+KAMI TIDAK BERTINDAK MELULU DAN TANPA BERFIKIR. TETAPI BILA TIDAK ADA JALAN LAIN (AKIBAT REAKSI BRITISH KEPADA PEMBELIAN GUTHRIE) KAMI TELAH BERTINDAK.+

DITANYA SAMA ADA PERHUBUNGAN DENGAN BRITAIN BOLEH DIPERBAIKI LAGI SEKARANG, BELIAU BERKATA: +ANDA BOLEH KATA BEGITU. MEMANG KEADAANNYA SEKARANG LEBIH BAIK.+ -- LAGI 1840/II

ZCZC 8652

MAHATHIR 3 LONDON R'R'R

+SAYA FIKIR MEREKA JUGA AKAN BERUNTUNG JIKA MENGADAKAN PERHUBUNGAN BAIK DENGAN MALAYSIA,+ KATANYA.

MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APA YANG DIMAKSUDKANNYA TIDAK DIFAHAMI DENGAN JELAS.

DASAR PANDANG KETIMUR BERMAKNA KAMI MAHU BELAJAR DARI TIMUR DAN AKAN TERUS BERBUAT DEMIKIAN. IA TIDAK BERMAKNA KAMI AKAN MEMBELI DARI TIMUR SAHAJA, ATAU SEGALA-GALANYA AKAN DIBERIKAN KEPADA JEPUN.+

KATANYA MALAYSIA AKAN TERUS MENGHANTAR RAKYATNYA KE JEPUN DAN MENERIMA BANTUAN DAN TEKNOLOGI JEPUN DI MALAYSIA.

DASAR PANDANG KETIMUR JUGA TIDAK MUNCUL SEMASA PENDIRIAN TETASNYA TERHADAP BRITAIN, JELASNYA.

+SAYA TELAH LAMA BERCAKAP TENTANG JEPUN, TENTANG DISIPLIN, TENTANG PERLUNYA BEKERJA KUAT.... SEJAK SAYA MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI LAGI, SEJAK BAYA MENJADI MENTERI PELAJARAN.+

SEBELUM ITU, SETIAUSAHA LUAR BRITAIN ENCIK FRANCIS PYM TELAH MENGUNJUNGI DATUK SERI DR. MAHATHIR DI SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA. -- BERNAMA 1837/PA